

Newspaper	SELANGOR KINI
Date	09/08/2017

Peguam Tun Mahathir kemuka permohonan lanjut.

PUTRAJAYA - Peguam kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang bertindak sebagai pemerhati dalam Suruhanjaya Siasatan bagi menyasat kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia, akan mengemukakan permohonan lanjut bagi mencabar keanggotaan dua ahli suruhanjaya berkenaan.

Bercakap kepada media sejujur selesai prosiding di Mahkamah Rayuan, Istana Kehakiman semalam, Mohamed Haniff menegaskan, keanggotaan Pengerusi Petroleum Nasional Berhad, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan, Tan Sri Saw Choo Boon adalah salah dan tidak sah di sisi undang-undang.

Menurut Mohamed Haniff, Mohd Sidek dan Choo Boon merupakan ahli panel pasukan petugas khas yang mencadangkan untuk mewujudkan suruhanjaya siasatan.

"Mereka bagaimanapun menyatakan tiada sebab untuk menarik diri kerana telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

"Besarnya kemungkinan kami akan buat permohonan lanjut berhubung keputusan tersebut," katanya.

Selain itu, peguam tersebut berkata, beliau turut mempersoalkan apakah

hak mereka sebagai peguam yang hadir untuk melibatkan diri dalam prosiding berkenaan.

Beliau menuntut untuk diberi peluang bertindak balas secara aktif kerana mereka hadir bagi pihak-pihak berkepentingan dan perlu diberi peluang untuk mengambil segala langkah yang perlu termasuk menyoal balas saksi dan memanggil saksi bagi pihak mereka.

Sementara itu, Mohamed Haniff berkata, setakat ini tiada sebarang maklumat sama ada sekretariat suruhanjaya berkenaan akan memanggil Mahathir atau Anwar untuk mengikuti prosiding.

Sementara itu peguam R Sivarasa selaku pemerhati bagi Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merupakan bekas perdana menteri dan Menteri Kewangan ketika skandal kerugian itu turut mengemukakan bantahan berkaitan isu yang sama.

"Pasukan petugas khas yang telah membuat siasatan pada peringkat awal telah pun membuat kesimpulan wujudnya prima facie berhubung kerugian urus niaga tersebut

"Adalah tidak wajar orang yang menyasat duduk sekali lagi dalam suruhanjaya. Malangnya ia telah ditolak dan saya akan merujuk perkara tersebut kepada Anwar untuk arahan lanjut," katanya.

Sinar Harian - 7/8/2017 k. 3